



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

---

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 1997**

---

BAYARAN BANTUAN SARAAN PEMANDU

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai Bayaran Bantuan Saraan Pemandu bagi pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama 'B' dan ke atas serta Gred Khas'A'.

**LATAR BELAKANG**

2. Bayaran Bantuan ini bermula pada tahun 1980 sebagai Bayaran Bantuan Gaji Dreber dan telah dipinda semasa pelaksanaan Sistem Saraan Baru (SSB) melalui [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 1991](#). [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1994](#) telah menjelaskan kaedah bayaran bantuan ini sebagai Bayaran Bantuan Gaji Pemandu supaya selaras mengikut kehendak SSB. Berasaskan [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1996](#) kaedah

bayaran bantuan tersebut dipinda sebagai Bayaran Bantuan Saraan Pemandu.

### **PELAKSANAAN**

3. Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi Gred Utama 'B' dan ke atas serta Gred Khas 'A' adalah layak menerima Bayaran Bantuan Saraan Pemandu jika tidak disediakan pemandu.

4. Bayaran Bantuan Saraan Pemandu adalah atas kadar bersamaan Gred gaji R10.

5. Pemandu yang dilantik oleh pegawai yang berkelayakan mengikut perenggan 3 di atas, adalah layak menerima semua Imbuhan Tetap, Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu, caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Bayaran Lebih Masa, Elaun Hidup, Imbuhan Tahunan, pergerakan gaji (berdasarkan prestasi kerja yang dinilai oleh Ketua Jabatan), bayaran *ex-gratia* mengikut formula pembayaran ganjaran pegawai lantikan kontrak dan pakaian seragam sepertimana dinikmati oleh pemandu dalam perkhidmatan awam.

### **TARIKH KUATKUASA**

6. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 1997.

## PEMAKAIAN

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya, dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, maka [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1994](#) dibatalkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATO' HAJI ABDUL WAHAB BIN ADAM)**  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

21 Ogos 1997

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan